

28 FEB 1997

Mandela-lawat

AFRIKA SELATAN DAN M'SIA AKAN TANDATANGANI BANYAK PERJANJIAN

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Afrika Selatan dan Malaysia akan memeterai beberapa perjanjian semasa lawatan lima hari Presiden Nelson Mandela ke negara ini minggu depan bertujuan memperkukuhkan hubungan dua hala dan kerjasama ekonomi.

Difahamkan antara perjanjian yang akan ditandatangani ialah mengenai pelancongan dan perjalanan udara.

Pesuruhjaya Tinggi Afrika Selatan, Maite E.Mohale mensifatkan lawatan pertama Mandela ke Malaysia pada 6 hingga 10 Mac ini sejak menjadi ketua negara republik itu sebagai sudah lama tertangguh.

Sebelum ini, beliau dijadualkan melawat Malaysia Oktober tahun lepas tetapi ditangguhkan berikutan dengan satu pembedahan kecil di lututnya. Mandela melawat Malaysia dua kali pada tahun 1993, iaitu setahun sebelum pilihan raya bukan aparteid diadakan di Afrika Selatan pada 27 April, 1994.

Mandela, 78, menjalani pembedahan itu pada bulan September tahun lepas bagi memperbaiki kerosakan di lututnya yang cedera semasa beliau menjalani hukuman penjara selama 27 tahun di atas tuduhan cuba menggulingkan kerajaan minoriti kulit putih. Beliau dibebaskan pada tahun 1990.

Mohale berkata dalam lawatan itu Mandela akan diiringi oleh 99 anggota delegasi perdagangan dan pegawai kanan kerajaan termasuk dua menteri.

"Sudah tentu Presiden Mandela bukan datang ke Malaysia dengan tujuan memulihkan hubungan tetapi untuk memperkukuhkan hubungan erat persahabatan yang sudah lama wujud antara Malaysia dan Afrika Selatan," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Mohale berkata walaupun terdapat isu-isu lama yang perlu diselesaikan seperti perjanjian percukaian berganda dan struktur cukai korporat republik itu, "komunikasi yang mesra" antara kedua-dua negara akan membuka jalan bagi penyelesaian yang baik.

Selain dari mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Mandela dijadualkan berucap di satu forum di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar di sini.

Jumlah perdagangan antara Malaysia dan Afrika Selatan bagi tahun 1995 ialah RM883 juta dengan eksport Afrika Selatan ke Malaysia hampir mencecah RM388 juta.

Malaysia menubuhkan hubungan diplomatik dengan Afrika Selatan pada bulan November 1993 selepas berakhirnya pemerinthan dasar perkauman aparteid di negara itu dan terus menyokong kerajaan berbilang kaum Mandela.

Dr Mahathir dan Mandela secara peribadi telah berhubung rapat. Perdana Menteri membuat persinggahan tidak rasmi ke Afrika Selatan pada tahun 1992 dan lawatan rasmi pertamanya pada bulan Ogos 1995.

Mohale berkata semasa lawatan beliau itu, Mandela akan mendedahkan bidang dan potensi di Afrika Selatan yang boleh diceburi oleh pelabur-pelabur Malaysia seperti pembangunan hartanah, penswastan dan pengkorporatan serta pelancongan.

Mengenai pembangunan hartanah, Mohale berkata para pelabur boleh membina lebih banyak lagi hotel lima bintang untuk menampung keperluan bilangan pelancong yang bertambah secara mendadak di republik itu sejak beberapa tahun kebelakangan.

Perumahan kos rendah juga adalah satu lagi bidang yang memerlukan pelaburan asing, katanya.

Mohale berkata kerajaannya juga bercadang menswastakan beberapa aset dan syarikat kerajaan.

Mengenai pendidikan, beliau berkata kerajaan Afrika Selatan berharap untuk mengadakan persefahaman dengan Mara untuk membolehkan pelajar-pelajar Malaysia meneruskan pengajian di negara itu dalam beberapa bidang seperti perubatan. -- BERNAMA

ES WAT